

## Nilai-nilai Islam dalam Program Pemulihan dan Rawatan Dadah di Pengasih

### Islamic Values in the Drug Treatment and Rehabilitation Program at Pengasih

KHAIRUL HAMIMAH MOHAMMAH JODI

#### ABSTRAK

*Pengasih merupakan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang aktif membantu merawat dan memulihkan masalah ketagihan dadah dan mempunyai program tersendiri untuk penghuninya iaitu modul Terapi Komuniti dan program kerohanian untuk proses pemulihan dan rawatan mereka. Program tersebut menerapkan nilai-nilai Islam untuk menambah kefahaman dan penghayatan penghuni seterusnya menjadi pendorong kepada mereka untuk memperbaiki akhlak dan kesilapan lampau. Artikel ini mengupas nilai-nilai Islam yang diterapkan dan menganalisis kaedah pelaksanaan penerapan nilai-nilai Islam melalui Program Terapi Komuniti. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan teknik analisis dokumentasi bagi mendapatkan informasi tentang nilai-nilai Islam yang diterapkan dalam program tersebut. Selain itu, temu bual dan pemerhatian turut serta digunakan untuk mendapatkan data. Dapatan kajian menunjukkan nilai dedikasi, kerjasama, tekun, tanggungjawab, bersih dan disiplin menjadi keutamaan dalam program ini selain daripada nilai-nilai lain yang seumpamanya. Ini bertujuan untuk membentuk peribadi penghuni yang komited ke arah pembaikan diri, bersungguh-sungguh, rajin dan mempunyai matlamat yang jelas apabila dibebaskan kelak. Malah sifat ini bakal membawa satu transformasi baru dalam kehidupan mereka selanjutnya.*

*Kata kunci: Terapi komuniti; penerapan nilai-nilai Islam; nilai-nilai Islam; Pengasih; residen*

#### ABSTRACT

*Pengasih is the Non-Governmental Organisations (NGOs) active in helping treat and rehab drug addiction and has its own program for resident namely Therapy Community and spiritual programme for the rehability process and treatment. The programme implement Islamic values to increase the understanding and appreciation of residents became the impetus for them to edify of the past. This article discuss how Islamic values applied, and also analyze the implementation of method Islamic values through Therapy Community. This research uses a qualitative approach to the techniques of analysis documentation for information about Islamic values used in this program. In addition, interviews and participating observations used to obtain data. The findings of this study show the dedication, cooperation, commitment, responsibility and discipline to be a priority in the program. It aims to form a residents who are committed towards self improvement, earnest, diligent and has a clear goal when released. In fact, this attitude is set to bring a new transformation in their lives further.*

*Keywords: Therapeutic community; the application of Islamic values; Islamic values; Pengasih; resident*

#### PENDAHULUAN

Sebagai sebuah institusi badan bukan kerajaan yang aktif dalam rawatan dan pemulihan dadah, Pengasih Malaysia memiliki program khusus iaitu Terapi Komuniti dijalankan ke atas residen (gelaran kepada penghuni) mereka. Program khusus ini diisi dengan nilai-nilai Islam sebagai didikan dan bimbingan supaya mereka dapat menjalani kehidupan yang lebih baik di sisi agama dan di sisi manusia. Sehubungan itu, artikel ini mengupas sebelas tunggak nilai Islam, seterusnya menganalisis kaedah nilai-nilai ini diimplementasikan oleh residen. Artikel ini bermula dengan tinjauan literatur mengenai nilai-nilai Islam kemudian diikuti dengan perbincangan tentang aspek pelaksanaannya di premis kajian iaitu Pengasih

Malaysia. Perbincangan pelaksanaan ini adalah berdasarkan metode dokumentasi, temu bual dan pemerhatian turut serta.

#### PENGERTIAN NILAI-NILAI ISLAM

Nilai bermaksud kualiti, mutu, taraf dan sifat ketinggian dari sudut pemikiran, agama dan kemasyarakatan (Kamus Dewan 1994). Istilah nilai dibahagikan kepada tiga konteks besar (Zdzislaw Najder 1975), *Quantitative*, *Attribute* dan *Axiology*. Dalam bahasa Inggeris nilai ditafsirkan sebagai *value* (Oxford *Advanced Learner's Dictionary* 2005), kerana ia sering dikaitkan dengan nilai-nilai yang perlu ada di dalam jiwa manusia.

Nilai ialah sesuatu yang abstrak (Ahmad Atory Hussain 1986) yang terdapat dalam sanubari manusia dan terjelma pada sistem sosial (Smelser & Batles 2001). Abstrak di sini bermaksud tidak dapat dilihat, dipegang dan tidak boleh dirasai oleh manusia (Ahmad Atory Hussain 1986). Nilai yang terdapat pada seseorang itu terbina melalui faktor dan situasi (pendidikan, sosioekonomi, budaya, agama, geografi dan sebagainya) yang pelbagai di sepanjang proses kehidupan yang dilalui oleh individu (Wan Sabri Wan Hussin 2002). Nilai juga diistilahkan sebagai moral (Ghazali Darusalam 2001), tetapi tidak semua moral itu mempunyai nilai (Abdul Rahman Md. Aroff 1999). Sesuatu perlakuan yang baik dianggap sebagai bermoral sekiranya mendapat pengiktirafan daripada orang lain. Ini disebabkan moral mementingkan hubungan sesama manusia serta berdasarkan sentimen masyarakat setempat (Ghazali Darusalam 2001), contohnya terdapat sebuah masyarakat yang menganggap arak adalah baik untuk tujuan memanasakan badan di negara-negara sejuk dan pengambilannya tidak salah dan dianggap perbuatan yang bermoral. Ini berbeza dengan negara-negara Islam dan agama Islam itu sendiri kerana arak itu diharamkan (Surah al-Nahl (16): 67. Surah al-Baqarah (2): 219. Surah al-Nisa' (4): 43. Surah al-Maidah (5): 90) walaupun ada yang beranggapan arak itu mempunyai "manfaat" (Surah al-Baqarah (2): 219) tersendiri.

Nilai dari perspektif Islam merangkumi keseluruhan aspek kehidupan insan, termasuklah kedudukan, sosial, jawatan, pendidikan, pentadbiran, politik, ekonomi, kebudayaan dan seterusnya kepada hubungan antarabangsa (Ahmad Ibrahim Madkhur 1973). Tonggak kepada segala nilai seorang Muslim adalah berpusat kepada akidah dan syariat berlandaskan kepada suruhan Allah SWT sebagaimana ikrar mereka di dalam solat yang bermaksud: 'sesungguhnya solatku, tingkah laku/kegiatanku, hidupku dan matiku adalah semata-mata kerana Allah sekalian alam (Surah al-An'am (6): 162).' Berasaskan kepada maksud nilai di atas, ia boleh dikatakan sebagai satu sistem yang baik, berguna dan bermanfaat kepada semua manusia. Nilai ini perlu dididik, dicari, dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Nilai ini boleh berubah dengan adanya didikan daripada pihak lain. Untuk mencapai matlamat ini, nilai-nilai yang baik perlu diamalkan secara berterusan untuk menghasilkan individu yang mengamalkan gaya hidup berakhlak dan beretika dalam kehidupan.

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan sebelas tonggak nilai Islam seperti yang digariskan dalam

dasar penerapan nilai Islam negara iaitu amanah, tanggungjawab, ikhlas, dedikasi, sederhana, tekun, bersih, bekerjasama, berdisiplin, berbudi mulia dan bersyukur (Mahathir Mohammad 1982). Nilai ini dipilih kerana ia realistik, mempunyai objektif dan merupakan unsur-unsur yang boleh diterima sebagai kunci kepada kejayaan dalam menjalankan urusan kehidupan (Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia 1992). Terdapat kajian-kajian sebelum ini mengenai nilai-nilai Islam di syarikat-syarikat, institusi perlindungan dan kementerian tertentu untuk melihat keberkesanan nilai ini dalam kehidupan dan suasana persekitaran kerja (Azura Awang 2017; Khairul Hamimah 2016; Zurimi bin Hashim 2002; Sufri Kurus 2007; Abdul Ghafir bin Abdul Hamid 1996; Abdul Monir Yaacob 1994; Mahani Mohamad 2004; Abd. Rachman Abror 2003). Nilai-nilai Islam mempunyai peranan tersendiri untuk membangunkan residen dari sudut lahiriah dan sahsiah diri. Antara peranan nilai-nilai Islam dalam kehidupan mereka.

#### NILAI AMANAH

Amanah berperanan menghindarkan residen daripada melanggar larangan dan suruhan Allah SWT. Sifat amanah akan melahirkan sikap yang jujur, berhemat, cermat, jimat, tidak membazir, tidak mencuri, merompak dan melakukan segala bentuk penyeludupan dan penyelewengan. Malah mereka akan merasa malu kepada Allah SWT apabila melakukan segala perbuatan yang tidak jujur. Terdapat banyak ayat al-Quran yang menjelaskan hal ini antaranya termasuklah firman Allah SWT dalam surah al-Nisa ayat 58 yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah SWT Maha mendengar, lagi Maha melihat.

#### NILAI TANGGUNGJAWAB

Nilai tanggungjawab akan membentuk residen yang sentiasa memperkukuhkan iman kepada Allah SWT dengan melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran. Ini akan melahirkan residen yang mempunyai misi, objektif dan matlamat dalam kehidupan dengan merancang dan melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan ke atasnya. Jiwa mereka akan berani mempertahankan kebenaran kerana Allah SWT.

### NILAI IKHLAS

Ikhlas melahirkan residen yang mempunyai jiwa murni, bersih, meletakkan matlamat tugas atau ibadah sehariannya semata-mata untuk Allah SWT (Mustafa Kamal Pasha 2002) dengan tidak mempunyai kepentingan tertentu, mempunyai niat yang jujur dan bersikap positif sekiranya mendapat kritikan daripada orang lain, seperti kata-kata Al-Ghazali (1959):

الإخلاص وهو أن تكون أعمالك كلها لله تعالى ولا يرتاح قلبك  
بمحامد الناس ولا تبالي بمذمتهم.

Maksudnya: Keikhlasan itu ialah segala perbuatan engkau dikerjakan hanya untuk Allah SWT dan hati engkau tidak akan gembira dengan pujian daripada manusia ataupun tidak kisah dengan kejian mereka.

Secara tidak langsung nilai ini juga akan membentuk residen yang istiqamah, berani (Surah Taha (20): 72-73), memperoleh ketenangan dalam hidup, terhindar daripada keburukan di dunia (Surah Yusuf (12): 24), malah syaitan sendiri tidak mampu menguasai mereka (Surah al-Hijr (15): 39-40).

### NILAI DEDIKASI

Nilai dedikasi mampu membentuk jiwa berani menghadapi tekanan, cabaran dan menjauhi sikap pesimistik. Dalam menjalani rawatan dan pemulihan di Pengasih, residen yang berdedikasi mampu menjadi seorang yang dinamik, berinisiatif, proaktif dan sentiasa mempunyai iltizam untuk menjayakan tanggungjawabnya dengan penuh komited dalam semua aktiviti hidup baik jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

### NILAI SEDERHANA

Sederhana membentuk residen yang tidak terlalu berlebih-lebihan keras dan tidak terlalu bebas terbuka dalam semua aspek kehidupan, seperti sederhana dalam konteks pekerjaan, tutur kata dan ibadah. Seterusnya, nilai sederhana berupaya mendidik residen berhemah mengurus perbelanjaan mengikut kemampuan dengan tidak membazir, bermegah dengan harta yang ada kerana takutkan sifat riak dan sombong. Antara ayat al-Quran yang menyeru manusia beramal dengan nilai ini, iaitu hidup sederhana, termasuklah firman Allah SWT dalam surah al-Furqan ayat 67 yang bermaksud:

Dan juga mereka yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil).

Begitu juga firman Allah SWT dalam surah al-Hadid ayat 20 yang bermaksud:

Ketahuilah bahawa (yang dikatakan) kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah (bawaan hidup yang berupa semata-mata) permainan dan hiburan (yang melalaikan) serta perhiasan (yang mengurangkan), juga (bawaan hidup yang bertujuan) bermegah-megah di antara kamu (dengan kelebihan, kekuatan, dan bangsa keturunan) serta berlumba-lumba membanyakkan harta benda dan anak pinak; (semuanya itu terhad waktunya) samalah seperti hujan yang (menumbuhkan tanaman yang menghidu subur) menjadikan penanamnya suka dan tertarik hati kepada kesuburannya, kemudian tanaman itu bergerak segar (ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatnya berupa kuning; akhirnya ia menjadi hancur bersepai; dan (hendaklah diketahui lagi, bahawa) di akhirat ada azab yang berat (disediakan bagi golongan yang hanya mengutamakan kehidupan dunia itu), dan (ada pula) keampunan besar serta keredaan daripada Allah SWT (disediakan bagi orang-orang yang mengutamakan akhirat). Dan (ingatlah, bahawa) kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya.

### NILAI TEKUN

Nilai ini mengajar residen agar lebih teliti (Surah Al-Hujurat (49): 6), cermat dalam setiap perbuatan serta pekerjaan. Mereka tidak meremehkan segala urusan kerja, tidak suka memperbesarkan masalah, tidak suka bertanggung, bermotivasi, sentiasa berikhtiar, bersemangat, berdedikasi, dan mempunyai komunikasi baik. Ini secara tidak langsung membentuk ketinggian peribadi, membina keyakinan diri dan berupaya membentuk kerjasama kumpulan.

### NILAI BERSIH

Nilai bersih mendidik residen bermasalah menjaga kebersihan dari aspek jasmani dan rohaninya. Kebersihan dua aspek ini sangat dititikberatkan kerana ia memberi impak terhadap kesihatan mental dan fizikal yang boleh membawa kemudaratan kepada residen. Residen yang menerapkan nilai bersih rohani akan menyucikan jiwanya daripada sifat syirik (Surah al-Haj: 26), gangguan syaitan (Surah al-Anfal (8):11), menjaga penampilan diri (Surah al-Maidah (5): 6), menjauhi sifat-sifat tercela yang membawa kepada dosa (Surah al-Taubah (9): 103).

### NILAI DISIPLIN

Disiplin mampu melahirkan residen yang berusaha dengan penuh kesungguhan dalam urusan kehidupan hariannya, iaitu disiplin terhadap Allah SWT, dirinya, keluarga, masyarakat dan negara. Berdisiplin dalam agama akan mendidik residen yang menunaikan ibadah yang fardu tanpa pertikaian. Dalam hidup berkeluarga, disiplin mendidik residen ini memulakan

pembinaan hidup kekeluargaan bermula dari pemilihan jodoh yang baik, seterusnya menambah ilmu keibubapaan dalam tumbesaran dan pendidikan anak-anak.

#### NILAI KERJASAMA

Residen yang memiliki nilai kerjasama akan saling membantu dalam semua aspek. Daripada sudut sosial, kerjasama antara mereka melibatkan semua perkara bermula daripada individu dan keluarga sehinggalah kepada skop yang besar iaitu melibatkan masyarakat, negara dan alam sejagat. Kerjasama mendidik sikap residen yang saling bermuafakat, bertukar-tukar fikiran dengan meneroka idea-idea baru untuk membangun martabat residen dan umat Islam. Dengan ini mereka akan mengetahui keperluan antara satu sama lain seperti kebajikan, undang-undang dan kemahiran yang secara tidak langsung menjalinkan hubungan antara mereka.

#### NILAI BERBUDI MULIA

Nilai ini membentuk residen yang bukan sahaja berakhlak mulia kepada diri sendiri tetapi berbudi mulia kepada Allah dan rasul. Mereka berusaha menjauhkan diri daripada terlibat dalam pertelingkahan yang selalunya tidak berlandaskan pemikiran yang rasional. Ini akan melahirkan masyarakat hidup bersatu padu, bersikap merendah diri dan mengeratkan perhubungan kasih sayang sesama umat Islam.

#### NILAI BERSYUKUR

Nilai bersyukur melahirkan residen yang sentiasa berterima kasih kepada Allah SWT, keluarga, sahabat, majikan dan lain-lain dengan menghargai, berkongsi nikmat yang didapatinya. Mereka tidak riak dan tidak lalai dengan menggunakan nikmat itu pada jalan yang dimurkai Allah SWT, malah berusaha dengan tekun bagi memastikan rezeki yang diperolehi mengikut syariat yang telah ditetapkan. Nilai ini disebut dalam al-Quran al-Karim antaranya termasuklah firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 152 yang bermaksud:

Oleh itu ingatlah kamu kepada-Ku (dengan mematuhi hukum dan undang-undang-Ku), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepada-Ku dan janganlah kamu kufur (akan nikmat-Ku);

dan firman Allah SWT dalam surah Ibrahim ayat 7 yang bermaksud:

Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi

nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras.

Kesimpulannya, peranan nilai-nilai Islam seperti yang dinyatakan di atas dapat menanam semangat mencintai kebaikan dan membuang sifat buruk yang terdapat dalam diri residen. Sikap amanah akan menghindari tabiat bermegah dan 'ujub. Nilai syukur membuang hasad, bakhil dan takabur. Dengan ikhlas menghindari sombong dan riak. Dedikasi, tanggungjawab dan disiplin menghindari malas. Nilai tekun membuang sikap berlengah. Bersih menghindari sikap pengotor dan berbudi mulia membuang sikap pamarah dan panas baran. Transformasi sikap ini akan mewujudkan suasana hidup yang lebih bertanggungjawab dalam menjalani kehidupan seharian residen selepas dibebaskan kelak.

#### PENUBUHAN PENGASIH

Pengasih ditubuhkan secara formal pada tahun 1998. Namun Pengasih Malaysia ini sebenarnya bermula pada tahun 1987 sebagai sebuah kumpulan sokong bantu di antara empat orang sahabat yang baharu sahaja bebas daripada dadah. Kumpulan ini menjadi semakin besar dan pada ketika itu isu dadah begitu hangat sekali. Lantas dengan semangat ingin membantu kumpulan ini mendaftar diri sebagai sebuah persatuan rasmi pada 25hb September, 1991. Empat orang sahabat bekas pengguna dadah yang dibebaskan oleh Pusat Serenti serta bekerja sebagai pembantu pegawai di ibu pejabat Bahagian Rawatan Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri, (kini dikenali sebagai Agensi Anti Dadah Kebangsaan – AADK).

Pengasih ialah singkatan bagi bekas-bekas pengguna dadah Malaysia dan objektif utamanya ialah menggabungkan tenaga bekas-bekas pengguna dadah yang telah mencapai pemulihan sepenuhnya (*whole person recovery*). Tenaga dan pengalaman mereka dimanfaatkan bagi membantu memulih bekas-bekas pengguna yang berpotensi kembali kepada penagihan semula. Kesedaran ini dilakukan demi mengurangkan gejala penggunaan dadah ke atas masyarakat.

Rumah pengasih menjalankan program rawatan alternatif yang menggunakan pendekatan *Therapeutic Community* (TC), iaitu satu modul pemulihan yang dijalankan di 65 buah negara (Antaranya ialah Amerika, Indonesia, Singapura, Brunei, Filipina, Thailand, Britain dan Malaysia). Persatuan Pengasih juga menjalankan enam lagi perkhidmatan lain antaranya Bakti Kasih (pusat singgah masuk – *drop in center* atau DIC) bagi kes HIV/AIDS, Sinar Kasih (fasa

*pre-entry* dan *Re-entry*), Seruan Kasih (program temu seru), Sidang Kasih (kelompok sokong bantu), Lautan Kasih (khidmat seberang laut) dan Muara Kasih (program perlindungan bagi ahli-ahli berpenyakit tenat) (Yunus Pathi 1999).

Program dan modul rawatan dan pemulihan Pengasih ialah Terapi Komuniti yang menjurus kepada sistem nilai kekeluargaan (*basic family values*), contoh dan teladan (*role model*), bimbingan pemulihan rakan sebaya (*peer pressure*) dan kemahiran diri (*coping skills*) yang menekankan penstrukturan semula pemikiran, pengurusan & penstabilan emosi, perubahan tingkah laku dan penyuburan kerohanian. Majoriti penghuni yang masuk secara sukarela dan mengikuti rawatan serta pemulihan antara 6 hingga 12 bulan dalam aktiviti program berbentuk intensif. Seterusnya, penghuni akan dinaikkan ke fasa pra integrasi dan integrasi sebelum menyertai kelompok sokong bantu rakan sebaya (*Aftercare*) yang terdiri daripada bekas penghuni Rumah Pengasih. Kumpulan sasaran Pengasih ialah kalangan mereka yang menghadapi masalah sosial dan mereka yang terlibat dengan dadah sama ada lelaki, wanita, tidak mengira usia dan warganegara. Pengasih juga menerima mereka yang bermasalah dari luar negara seperti Indonesia, Brunei dan sebagainya (Yunus Pathi 1999).

#### NILAI-NILAI ISLAM DALAM PROGRAM PEMULIHAN RESIDEN DI PENGASIH DAN KAEDAH PENERAPAN

Kajian ini menganalisis program Modul Terapi Komuniti yang dikenali sebagai TC (Yunus Pathi 1999). Modul TC terdiri daripada modul pembentukan semula tingkah laku, pengendalian emosi dan psikologi, pengembangan fikiran dan kerohanian, kemahiran vokasional dan hidup bersosialisasi. Modul terapi komuniti di Pengasih menekankan lima budaya kepada penghuninya iaitu *positive reinforcement*, *self-help*, *tough love*, *family* dan *house* (Yunus Pathi 1999). Budaya ini menekankan perubahan di Pengasih bermula dari diri sendiri. Penghuni perlu mempunyai kesungguhan ke arah perubahan diri yang positif. Pengasih hanya memberikan panduan atau "*tool*" tertentu untuk memperbetulkan kesilapan lalu. Pengasih menekankan prinsip "keluarga besar" dengan tidak mengira pangkat, bangsa, umur dan agama. Konsep kekeluargaan ini penting kerana kebanyakan penagih dadah menghadapi masalah kehilangan kasih sayang daripada ahli keluarga terdekat seperti ibu bapa, adik-beradik, suami atau isteri. Kekuatan kasih sayang dan tanggungjawab

terhadap bekas penagih dalam pemulihan dapat menyedar dan mengubah tingkah laku bekas penagih dadah ini. Melalui kaedah ini nilai tanggungjawab kepada diri sendiri dan amanah diterapkan kepada penghuni atau residen yang mana kesedaran berada di Pengasih merupakan satu "tugas" yang perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya (Institut Tadbiran Awam Negara 1992)

Nilai bersih diterapkan dalam modul pembentukan semula tingkah laku yang mempunyai matlamat agar bekas penagih bebas dari dadah dan sifat-sifat negatif. Selain daripada itu, kaedah ini juga akan membebaskan diri mereka daripada bergantung dengan bahan-bahan sampingan seperti matadon bagi memastikan mereka tidak terjebak kembali kepada sikap negatif yang lalu. Selain dari membersihkan hati, Pengasih juga menekankan aspek kebersihan fizikal iaitu residen harus menjaga kebersihan diri, bilik, kebersihan persekitaran, prasarana dan sebagainya. Melalui nilai bersih ini residen mampu membuang budaya sikap negatif yang selalu dilakukan semasa alam penagihan.

Nilai sederhana diterapkan melalui kaedah teguran kepada penghuni yang mana mereka akan ditegur kesalahannya mengikut tahap kesilapan yang mereka lakukan. Sederhana di sini bermaksud tugas yang dilakukan secara berperingkat dan seimbang apabila membuat keputusan (Institut Tadbiran Awam Negara 1992). Ini dibuktikan apabila penghuni melakukan kesilapan pertama kali, teguran secara lembut/berhemah dan nasihat diberikan. Teguran kedua dilaksanakan secara tertutup dan dihadiri oleh mereka yang mempunyai hubungan dengan penghuni sekiranya dia tidak berubah. Jika penghuni masih berdegil, kaedah teguran di hadapan komuniti lain akan dilaksanakan (Yunus Pathi 1999). Satu teguran keras dilakukan di hadapan komuniti yang dipilih (melibatkan peringkat atasan sahaja) merupakan jalan yang terakhir untuk mendidik penghuni yang sukar berubah. Ini bertujuan menyedarkan penghuni bahawa sikap negatif yang wujud pada dirinya akan menyebabkan residen berisiko untuk kembali kepada kesilapan yang lalu serta melatih mereka bersifat terbuka, menerima pandangan orang lain, prihatin, jujur dan rendah diri. Kaedah teguran ini sesuai dengan ajaran Rasulullah SAW dalam Sahih Muslim, kitab al-Musnad al-Sahih, kab Bayan Kaunu al-Nahi 'an al-Munkar min al-Iman, hadis nombor 70 yang bermaksud:

Sesiapa yang melihat kemungkaran, hendaklah ia mengubah dengan tangannya, sekiranya tidak mampu ubahlah dengan lisan/perkataan, sekiranya tidak mampu, ubahlah dengan hati. Dan itulah yang dinamakan selemah-lemah iman.

Seterusnya, penerapan nilai dedikasi terdapat dalam tools ‘*learning experience*’ yang mana penghuni harus komited dan mematuhi peraturan-peraturan di Pengasih. Jika residen melakukan kesalahan besar, dia akan diberikan hukuman berbentuk pendidikan dan pengajaran. Contohnya residen yang didapati mengamalkan sikap pengotor, maka proses pembelajaran semula dalam bentuk denda membuang tabiat kotor dilakukan selama satu minggu. Hukuman ‘*learning experience*’ ini berbeza mengikut kesalahan yang dilakukan oleh penghuni (Observasi Mei 2016). Kaedah ini membolehkan residen bermuhasabah tentang sikap negatifnya dan memperbaiki tabiatnya melalui hukuman yang dijalankan. Ini disebabkan denda yang dilakukan secara pengulangan mampu mengubah tabiat dan akhirnya menjadi kebiasaan (al-Ghazali 1988).

Elemen Islam lain yang diterapkan ialah kerjasama melalui semangat tolong-menolong, penyertaan secara sukarela terhadap aktiviti yang dijalankan, mengutamakan kepentingan Pengasih daripada kepentingan peribadi, bermuafakat dalam semua perkara dan mengelakkan konflik antara penghuni dan kakitangan (Observasi Mei 2016). Nilai ini diaplikasi dalam konsep musyawarah dan hisbah pada setiap perjumpaan yang mana residen akan berkumpul dan membincangkan hal-hal berbangkit mengenai Pengasih. Pada ketika ini kakitangan yang bertugas memberikan kata-kata semangat dan nasihat agar penghuni mematuhi peraturan, berani mengaku kesilapan, berfikir terbuka, menghormati keluarga dan lain-lain lagi. Dengan ini membentuk sikap residen agar mereka saling menghormati, berfikir berlandaskan akal berbanding nafsu, menjaga hubungan silaturrahim yang akhirnya membentuk budaya persefahaman dalam kalangan mereka.

Nilai kerjasama juga terdapat dalam pelaksanaan pengendalian emosi yang terdiri daripada empat kaedah, iaitu *encounter group*, *probe*, *extended* dan *marathon*, *static group* dan kaunseling individu. *Encounter group* berbentuk luahan perasaan secara bersemuka sekiranya tidak puas hati kepada residen lain (Yunus Pathi 1999). Aktiviti ini bertujuan untuk memecahkan ego dalam diri residen. Ini disebabkan ketika mereka belum dimasukkan ke Pengasih, mereka beranggapan semua tindakan yang dilakukan itu betul dan tidak mengganggu orang lain (Hafiz, temu bual, 20 April 2016). Justeru, rakan sebaya merupakan komuniti yang sesuai untuk mengubah pemikiran mereka kerana rakan sebaya ini pernah mengalami pengalaman dan sejarah hidup yang sama seperti mereka. Apa yang penulis lihat di sini ialah kaedah ini memupuk sikap bersungguh-

benar melakukan perubahan diri, berfikiran terbuka dan belajar mengawal emosi dalam kalangan penghuni. Kaedah ini bertepatan dengan Islam yang menggalakkan umatnya saling bekerjasama, tegur menegur, nasihat menasihati tanpa mengira usia, pangkat dan bangsa. Ia bertujuan mendidik residen mengendalikan perasaan dengan cara yang betul, meredakan tekanan dan membentuk perkembangan emosi yang sihat. Pengendalian emosi ini turut menerapkan nilai-nilai amanah seperti mengenali diri sendiri, bersikap jujur, berusaha merubah sikap dan sabar (Yunus Pathi 1999).

Semangat bantu membantu diterapkan dalam kaedah *probe*, *static group*, *extended* dan *marathon* dan ia merupakan satu terapi untuk menyelidik dan mencungkil halangan perkembangan mental dan emosi residen. Melalui kaedah ini, rakan sebaya menjadi pemangkin kepada perubahan sikap residen. Mereka saling memberi pendapat, menegur, memberi motivasi, berkongsi pengalaman, menyimpan rahsia, saling mempercayai dan mencadangkan kaedah terbaik untuk mengatasi masalah sesama mereka. Penulis mendapati bahawa kaedah ini bertepatan dengan hadis riwayat al-Bukhari dalam *Sahih al-Bukhari*, kitab al-Syarikah, bab Hal Yaqra’ fi al-Qasamah wa al-Istifham fihi, hadis no. 2313 yang bermaksud:

Perumpamaan orang yang mematuhi larangan Tuhan dan melanggarnya, adalah seperti kaum yang mengadakan undian di atas kapal. Sebahagian mereka mendapat tempat di atas dan sebahagian lagi di bawah. Orang yang di bawah sekiranya hendak mengambil air minum terpaksa melalui orang yang di atas. Mereka berfikir, ‘baiklah kita buat sebuah lubang air di tempat kita (bahagian bawah) sehingga kita tidak mengganggu orang di atas.’ Jika orang di atas membiarkan mereka berbuat demikian, tentulah mereka akan binasa. Sebaliknya jika orang di atas melarang, maka mereka akan selamat semuanya.

Hadis ini menggambarkan perlunya sikap saling menegur bagi memperbaiki kesilapan di antara mereka dan kaedah ini sememangnya dijalankan di dalam program ini. Kaedah ini dilihat mampu melatih residen membentuk keyakinan diri, menerima kesilapan, matang dan bersedia memaafkan diri untuk meneruskan kehidupan yang lebih positif.

Terapi Komuniti mempunyai kaedah kemahiran vokasional dan hidup bersosialisasi yang menerapkan nilai kerjasama dan dedikasi dengan melatih penghuni menyesuaikan diri dengan suasana kehidupan baru di Pengasih serta aktif mengambil bahagian dalam kumpulan. Semangat kerjasama dalam kemahiran vokasional diterapkan dengan cara menempatkan penghuni di jabatan-jabatan tertentu seperti pengurusan dewan makan, pengurusan pejabat, pengurusan dobi,

pembersihan surau dan lain-lain. Setiap jabatan akan memastikan kumpulan mereka menjalankan tugas secara berpasukan dan pada waktu yang sama, residen diberi peluang menjadi pemimpin kepada kumpulan/jabatan masing-masing. Ini bertujuan memupuk nilai dan sikap bertanggungjawab kepada Pengasih dengan menjaga, menghargai persekitaran agar kehidupan residen lebih selesa.

Bagi residen yang layak menaiki fasa seterusnya (Yunus Pathi 1999), mereka diberi peluang memegang jawatan sebagai *coordinator* (ketua tertinggi), *chief expeditor* (pembantu pertama), *shingle expeditor* (pembantu pertama), ketua jabatan, penolong ketua jabatan (*ramrod*), mata-mata (*expeditor*), dan krew (ahli). Kaedah ini dilihat mampu memupuk sikap bertanggungjawab, memimpin dan membentuk diri (mengendalikan fikiran, emosi, tingkah laku dengan cara yang matang), membina keyakinan dan menajamkan kemahiran insan (*soft skill*) sebagai persediaan keluar daripada Pengasih. Selain itu, ia dapat mempertingkatkan ciri-ciri kepimpinan dalam diri, melatih pengurusan dalam kumpulan yang kecil, membentuk diri menjadi lebih asertif dan membentuk perkembangan sendiri. Justeru, nilai kepimpinan ini perlu terus dipupuk dalam diri mereka kerana kepimpinan yang betul akan mendorong penghuni bertindak dengan tepat berbanding dengan tindakan mereka sebelum ini yang pernah terlibat dengan pelbagai kegiatan jenayah. Secara tuntasnya peluang ini membentuk nilai dedikasi, amanah dan tanggungjawab (Institut Tadbiran Awam Negara 1992). Penulis berpendapat penerapan nilai pemimpin ini bertepatan dengan hadis yang diriwayatkan oleh al-bukhari dalam *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Juma'ah, Bab al-Juma'ah fi al-Qura wa al-Mudun, hadis nombor 844 yang bermaksud:

Abdullah bin Umar berkata: aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, setiap kamu adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap orang yang dipimpin. Imam adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap rakyatnya. Seorang lelaki adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap ahli keluarganya. Seorang perempuan adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap rumah tangganya, suaminya dan anak-anaknya. Seorang khadam bertanggungjawab terhadap harta tuannya. Maka setiap hari kamu adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpin.


Berdasarkan hadis di atas, jelas menunjukkan kepemimpinan itu juga bermula dari memimpin diri sendiri. Sehubungan itu, peluang kepimpinan yang diterapkan oleh pihak penjara berupaya mendidik bandunita memimpin diri sendiri dan seterusnya memimpin keluarganya dengan berpandukan syariat Islam.

Nilai dedikasi, tanggungjawab dan tekun dicerna melalui komponen program pengurusan intelektual dan kerohanian seperti seminar, ceramah dan pendidikan moral atau kerohanian. Melalui aktiviti ini, ia dilihat mampu melahirkan penghuni yang komited dan bersedia memulakan pembaikan diri dengan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kesempurnaan dalam tugas dan kehidupan. Melalui ceramah dan seminar agama, residen berpeluang menambah ilmu pengetahuan, mengumpulkan maklumat semasa, dan meningkatkan kemahiran yang berkaitan untuk pembaikan diri. Antara tajuk seminar yang sering dibincangkan ialah perkara yang asas dalam agama seperti solat, puasa, wuduk, hari akhirat dan bacaan al-Quran dan *iqra'*. Residen juga diberi penjelasan tentang kejujuran, persahabatan, konsep hidup yang sebenar, nilai kekeluargaan, bahaya HIV/AIDS, memupuk kasih sayang, mengawal marah dan lain-lain. Melalui aktiviti ini residen diharap mampu menambah ilmu asas fardu ain mereka. Ini disebabkan ketika mereka berada di bawah pengaruh dadah, minda mereka tidak mampu membezakan perkara yang dilarang dan dibenarkan oleh agama yang menyebabkan melakukan tindakan di luar kawalan (Hafizi, temu bual, 23 Mei 2016)

Selain menggunakan pendekatan Terapi Komuniti, Pengasih turut mempunyai aktiviti kerohanian sendiri untuk memantapkan spiritual dan emosi residen. Justeru, mereka mengikuti kelas agama dengan mempelajari solat fardu, solat jenazah, fekah, iqra, tauhid, surah-surah lazim dan doa-doa pendek (Modul Agama Rumah Pengasih t.t; Kamal, temu bual, 21 Mei 2016). Pengasih mewajibkan semua residen dan kakitangan menunaikan solat berjemaah pada setiap waktu dan membaca surah Yasin pada setiap hari selepas menunaikan solat Maghrib. Ini bertujuan memantapkan spiritual di samping memupuk budaya saling mengenali dan menghormati antara penghuni. Hasil observasi dan pemerhatian turut serta penulis, tujuan ini tercapai dengan terbentuknya hubungan silaturahim yang mantap, sikap saling menghormati dan mempercayai dalam kalangan penghuni dan kakitangan. Selain daripada itu, terdapat penghuni yang berazam untuk bekerja di rumah perlindungan ini selepas menamatkan rawatan mereka ('Adli,' 'Halim,' 'Syafik,' Temu bual 17 Mei 2016).

Dalam kaedah pembentukan semula tingkah laku residen Pengasih, mereka diterapkan nilai amanah kepada diri sendiri dengan membuang sikap malas, tidak mencuri dan menunaikan tanggungjawab dengan sebaiknya. Seterusnya, mereka dilarang bercerita tentang kesilapan silam, mengutamakan disiplin, toleransi, menegur kesilapan, bersungguh-

sungguh dan sentiasa muhasabah diri. Penulis melihat kaedah ini membolehkan residen lebih fokus tujuan mereka memasuki Pengasih, membina dan berusaha mencapai matlamat yang ditetapkan apabila mereka selesai menjalani pemulihan dan rawatan. Jelasnya, penerapan nilai-nilai Islam dalam program Terapi Komuniti di Pengasih diringkaskan seperti pada Rajah 1 di bawah.



RAJAH 1. Penerapan Nilai-nilai Islam di Pengasih

Sumber: Modul Terapi Komuniti Pengasih

## KESIMPULAN

Program Terapi Komuniti dilihat telah menerapkan keseluruhan sebelas nilai-nilai Islam dalam program hariannya. Berdasarkan observasi dan penelitian penulis, nilai dedikasi, kerjasama, tekun, tanggungjawab, bersih dan disiplin menjadi keutamaan dalam program ini selain daripada nilai-nilai lain yang telah dijelaskan di atas. Nilai-nilai tersebut mampu mengubah sikap buruk residen kepada sifat terpuji, iaitu amanah menghindari tabiat bermegah dan 'ujub. Nilai syukur membuang hasad, bakhil dan takabur. Ikhlas menyingkir sombong dan riak. Manakala dedikasi, tanggungjawab dan disiplin menyingkir malas. Pelaksanaan program Terapi Komuniti ini dilihat mampu mendidik penghuni menjadi lebih peka dan berdisiplin dalam kehidupan. Ini disebabkan kaedah ini mementingkan ketepatan masa dan kesempurnaan dalam melakukan segala tugas yang diberikan. Justeru, program ini berupaya membentuk peribadi penghuni yang komited untuk perubahan, bersungguh-sungguh, rajin dan mempunyai matlamat yang jelas apabila dibebaskan kelak. Malah sifat ini

bakal membawa satu transformasi baru dalam sisi kehidupan mereka selepas ini.

## RUJUKAN

- Abd. Rachman Abror. 2003. "Nilai-nilai Islam yang Terkandung dalam Pantun Etnik Melayu di Pontianak." Tesis Ph.D. Institut Pengajian Siswazah. Universiti Malaya.
- Abdul Ghafir bin Abdul Hamid. 1996. "Penerapan Nilai-nilai Islam dan Keselamatan Negara di Malaysia Satu Tinjauan." Disertasi Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Monir Yaacob. 1994. "Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran Kerajaan: Satu Penilaian." kertas kerja *Seminar Penghayatan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran Peringkat Kebangsaan*. 29-30 Apr 1994: Kuala Lumpur.
- Abdul Rahman Md. Aroff. 1999. *Pendidikan Moral: Teori Etika Dan Amalan Moral*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Adli. Temu bual pada 17 Mei 2016.
- Ahmad Atory Hussain. 1986. *Tingkah Laku Organisasi dalam Pengurusan Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azura Awang. 2017. Sokongan Sosial kepada Remaja Bermasalah Pembelajaran dalam Pengamalan Nilai-nilai Islam. Dlm. *Vaksinasi Ummah Menerusi Jalan Dakwah* disunting oleh Nor Raudah Hj Siren. Kuala Lumpur, Malaysia: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Al-Bukhari. t.t. Sahih al-Bukhari. Kitab al-Juma'ah. Bab al-Juma'ti Fi al-Qura Wa al Mudun. Lubnan: Dar Tuk al-Najah.
- Al-Bukhari. t.t. Sahih al-Bukhari. Kitab al-Syarikah. Bab Hal Yaqra' fi al-Qasamah wa al-Istifham fih. Lubnan: Dar Tuk al-Najah.
- al-Ghazālī. 1959. *Ayyuhā al-Walad*. cet. 2. Bayrūt: al-Lajnah al-Dawliyyah Litarjamah al-Rawāi'.
- al-Ghazālī. 2005. *Ayyuhā al-Walad (Letter to A Disciple)*. Tobias Mayer (terj.). Cambridge: The Islamic Texts Society.
- al-Ghazali. 1988. *Ihya Ulumuddin*, Prof. TK.H. Ismail Yakub (terj), jil. 4, Victory Agensi.
- Ghazali Darusalam. 2001. *Kursus Tamadun Islam & Pendidikan Moral: Nilai-nilai Moral dalam Pelbagai Aspek. Aprisiasi Moral dan Badan-badan Dunia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Hafizi Harun. Kaunselor Pengasih. Temu bual pada 9 April 2016.
- Hafiz. Temu bual, 20 April 2016
- Halim. Temu bual pada 17 Mei 2016.
- Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia. 1992. *Dasar-dasar Pembangunan Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia.
- Kamal. Kakitangan Pengasih. Temu bual pada 1 Mei 2016.



- Kamus Dewan. 1994. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi. 2016. Persepsi Keberkesanan Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Program Pembangunan Wanita Bermasalah Dlm. *Penyelidikan Semasa dalam Pengajian Islam* disunting oleh Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mahani Mohamad. 2004. "Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam: Keberkesanan Pelaksanaannya di Lembaga Tabung Haji (LTH) Kelantan (1997-2002)." Latihan Ilmiah Jabatan Siasah Syar'iyah. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Mahathir Mohammad. 1982. <http://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=mahathir&id=1> 1/3/2016.
- Modul Agama Rumah Pengasih. t.t. Pengasih Malaysia.
- Mustafa Kamal Pasha. 2002. *Qalbun – Salim Hiasan Hidup Muslim Terpuji*. Jogjakarta: Citra Karsa Mandiri.
- Neil J. Smelser & Paul B. Batles (Ed.). 2001. *International Encyclopedia of The Social & Behavioral Science*. Vol. 8. Amsterdam: Elsvier.
- Oxford Advanced Learner's Dictionary*. 2005. 7<sup>th</sup> Edition. New York: Oxford University Press.
- Robert H. Schuller. 2002. *Kegigihan Kunci Kejayaan*. Batu Caves: Thinkers Library.
- Sahih Muslim. t.t. Kitab al-Musnad al-Sahih. Bab Bayan Kawwana al-Nahi 'an Munkar. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Syafik. Temu bual pada 17 Mei 2016.
- Sufri Kurus. 2007. "Pelaksanaan Nilai-nilai Islam di Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei Darussalam: Kajian Terhadap Keberkesanannya dalam Pembangunan Pentadbiran." Disertasi Jabatan Syariah. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Wan Sabri Wan Hussin. 2002. "Nilai dan Etika Islam dalam Perniagaan Amalan dan Tanggapan Masyarakat Malaysia." Tesis Ph.D Institut Pengajian Siswazah dan Penyelidikan. Universiti Malaya.
- Yunus Pathi. 1999. *Manual Program Therapeutic Community*. Rumah Pengasih.
- Zdzislaw Najder. 1975. *Values and Evaluation*. Oxford: Clarendon Press.
- Zurimi bin Hashim. 2002. "Penerapan Nilai-nilai Islam ke Atas Pelatih Pusat Pemulihan Dadah: Kajian Perbandingan Antara Pusat Serenti Raub dengan Pengasih." Disertasi Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dr. Khairul Hamimah Mohammad Jodi  
 Kluster Pendidikan dan Sains Sosial (CESS)  
 Open University Malaysia  
 Lot G (7-06-01) Blok 7,  
 Presint Alami, Pusat Perniagaan Worldwide 2,  
 Jalan Tinju, Seksyen 13,  
 40100 Shah Alam, Selangor  
 Email: Khairul\_hamimah@oum.edu.my

